

Kejohanan Terjun Dunia FINA ke-18

Pandelela tak sabar gegar Gwangju

Kembali selepas hampir setahun tersisih akibat kecederaan

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bakal membuat penampilan semula di pentas kompetitif antarabangsa, penerjun negara Pandelela Rinong Pamg tidak sabar beraksi pada Kejohanan Terjun Dunia FINA ke-18 di Gwangju, Korea Selatan bermula Jumaat ini.

Pandelela yang berehat panjang sejak mengalami kecederaan belakang pada Sukan Asia di Indonesia, Ogos

tahun lalu membuat kemunculan sulung yang menjadi pentas pemburuan kelayakan pertama ke Sukan Olimpik 2020 Tokyo.

Ketika ditanya sama ada gemuruh untuk tampil semula, Pandelela berkata: "Sekarang ini saya sebenarnya teruja untuk bertanding."

"Saya harap dapat melayakkan diri ke Olimpik," katanya kepada BH di sini semalam.

Biarpun membuat penampilan pertama pertandingan untuknya pada tahun ini, Pandelela sudah mula menjalani latihan termasuk mengikuti kem latihan bersama skuad terjun negara di Wuhan, China pada bulan lalu.

Pandelela yang bergandingan dengan Leong Mun Yee melakar sejarah sebagai penerjun pertama negara memperoleh pingat pada Kejohanan Dunia 2009 di Rom dengan



Saya harap dapat melayakkan diri ke Olimpik.

Pandelela,
Penerjun negara

menghadihkan gangsa.

Tidak terhenti di situ, gandingan Pandelela-Mun Yee sekali lagi membawa pulang gangsa pada Kejohanan Dunia 2013 di Barcelona diikuti pingat gangsa dalam acara 10m platform individu pada 2015 di Kazan dan juga gangsa bergandingan dengan Cheong Jun Hoong pada 2017 di Budapest.

Pada kejohanan kali ini, Pandelela yang akan turun dalam acara 10m platform individu dan juga seirama, berpasangan dengan gandingan lamanya, Mun Yee apabila gandingan asalnya, Kimberly Bong mengalami kecederaan bahu ketika kem latihan di Wuhan.

Pada kejohanan ini, tiga gandingan terbaik dalam acara seirama akan memperoleh tiket awal ke Olimpik sementara 12 penerjun terbaik acara individu akan memperoleh tiket dalam acara masing-masing.